

10 DEC 1996

Sabbaruddin - Hotel

HOTEL SERI MALAYSIA DI GENTING HIGHLANDS BEROPERASI TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Rangkaian Hotel Seri Malaysia (RHSM), yang terkenal dengan kadar penginapan berpatutan, akan mengendalikan hotelnya yang ke-16 di Genting Highlands tahun depan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata hotel itu merupakan yang pertama dibeli daripada sebuah syarikat perhotelan tempatan berbanding 15 Hotel Seri Malaysia sebelum ini yang dibangunkan sendiri oleh kerajaan.

"Kami sedang berunding dengan syarikat berkenaan berhubung soal harga. Bagaimanapun, kerajaan berpendapat harga yang ditawarkan adalah baik berdasarkan lokasinya yang terletak di kawasan peranginan terkemuka negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan anugerah "Hotel Seri Malaysia Terbaik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan" di sini malam ini.

Katanya kadar penginapan hotel itu dijangka antara RM140 dan RM150 semalam, lebih tinggi daripada kadar Hotel Seri Malaysia yang lain antara RM90 dan RM120.

"Ini kerana kerajaan perlu membayar harga tanah sedangkan Hotel Seri Malaysia lain tapaknya disediakan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang kemudiannya mengambil ekuiti dalam syarikat pengendali," katanya.

Terdahulu, Encik Mukhriz Mahathir, Pengerusi Gateway Inn Management Sdn Bhd, syarikat yang mengendalikan RHSM berkata anugerah "Hotel Seri Malaysia Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan" merupakan pengiktirafan kepada hotel-hotel dalam rangkaian itu yang menonjolkan keunggulan perkhidmatan mereka.

Katanya, 14 daripada 15 hotel itu akan dinilai berdasarkan falsafah RHSM yang menitikberatkan lima K -- Kebersihan, Kemudahan, Keselesaan, Keramahan dan Keseragaman.

Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu tidak layak mengambil bahagian kerana ia diuruskan oleh Gateway sendiri sebagai penganjur bersama Reliance Pacific Bhd.

Hadiah pertama ialah RM10,000 dan sijil penghargaan dalam bentuk plak, kedua RM5,000 dan sijil penghargaan manakala ketiga RM2,000 dan sijil penghargaan.

Penilaian selama setahun akan bermula Januari depan manakala hadiah akan disampaikan pada Mac 1998. -- BERNAMA

AH MAI